

**PERBELANJAAN BAGI PERJALANAN ATAS TUGAS RASMI KE LUAR NEGARA
PB 2.4/2013**

No	Perkara	Tanggungjawab
1.	Perbelanjaan Bagi Perjalanan Atas Tugas Rasmi Ke Luar Negara	
	1.1. Tujuan	
	1.1.1. Tujuan Pekeliling ini adalah untuk menurunkan kuasa Perbendaharaan kepada Pegawai Pengawal meluluskan perbelanjaan yang melibatkan perjalanan tugas rasmi ke luar negara.	Ketua Pengarah
	1.2. Penurunan Kuasa	
	1.2.1. Selaras dengan konsep <i>Let Managers Manage</i> , Perbendaharaan dengan ini menurunkan kuasa kepada Pegawai Pengawal untuk meluluskan perbelanjaan yang melibatkan perjalanan tugas rasmi ke luar Negara	Ketua Pengarah
	1.2.2. Untuk tujuan tersebut:	
	a) Pegawai Pengawal adalah dengan ini dibenarkan meluluskan perbelanjaan bagi perjalanan tugas rasmi pegawai ke luar negara serta membuat agihan peruntukan kepada pegawai dan agensi di bawah kementerian masing-masing berdasarkan keperluan.	Ketua Pengarah
	b) Pegawai Pengawal bertanggungjawab untuk mengawal dan memantau peruntukan perjalanan tugas rasmi ke luar negara termasuk peruntukan yang diagihkan kepada Jabatan dan Agensi untuk memastikan perbelanjaan yang dibuat tidak melebihi jumlah peruntukan yang telah diluluskan.	Ketua Pengarah
	c) Perjalanan ke luar negara yang berkaitan dengan sesuatu urusan perolehan atau kontrak yang telah ditandatangani oleh Jabatan dan Agensi hendaklah dirujuk kepada Pegawai Pengawal untuk kelulusan.	KSU / Ketua Pengarah
	1.3. Pematuhan Peraturan	
	1.3.1. Bagi memastikan kuasa yang telah diberikan ini dilaksanakan dengan teratur, Pegawai Pengawal tidak dibenarkan menurunkan kuasa ini kepada pegawai-pegawai lain. Sekiranya syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan ini tidak dipatuhi Pegawai Pengawal boleh dikenakan tindakan surcaj dan tindakan tatatertib yang lain.	Ketua Pengarah